



KEJOHANAN MEMANAH TRADISIONAL KEBANGSAAN SIRI 1/ 2024

BUKU TEKNIKAL

BAHAGIAN 1

1.0 OBJEKTIF

- 1.1 Buku Teknikal ini adalah sebagai rujukan bagi Kejohanan Memanah Tradisional Kebangsaan (KMTK) 2024 SIRI 1, yang dianjurkan oleh Persatuan Memanah Tradisional Malaysia (TAAM) dan dikelolakan oleh Persatuan Memanah Tradisional Kuala Lumpur (PMTKL).
- 1.2 Segala panduan dan peraturan di dalam ini adalah terpakai untuk KMTK 2024 SIRI 1.
- 1.3 Sekiranya terdapat perkara yang tidak dinyatakan di dalam buku teknikal ini, maka Jawatankuasa Teknikal PMTKL berhak memutuskan perkara tersebut dengan persetujuan panel juri kejohanan yang di lantik oleh PMTKL.

2.0 KATEGORI PERTANDINGAN

- 2.1 Dua pertandingan akan diadakan bagi KMTK 2024 SIRI 1
 - i. Format TAAM
 - ii. Format Fetih Kupasi
- 2.2 Bagi Format TAAM, kategori yang dipertandingkan adalah seperti berikut:
 - i. Dewasa Lelaki Individu (DL)
 - ii. Dewasa Wanita Individu (DW)
 - iii. Berpasukan - Trio (DL & DW)
- 2.3 Bagi Format Fetih Kupasi, kategori yang dipertandingkan adalah seperti berikut:
 - i. Dewasa Lelaki Individu (DL)
 - ii. Dewasa Wanita Individu (DW)
- 2.4 Untuk kejohanan kali ini, tiada kategori dipertandingkan untuk veteran, remaja dan cilik.
- 2.5 Sila rujuk jadual pertandingan yang dilampirkan bagi mengetahui perincian hari, tarikh dan masa bagi setiap format.





KEJOHANAN MEMANAH TRADISIONAL KEBANGSAAN SIRI 1/ 2024

3.0 SYARAT PENYERTAAN

3.1 PENYERTAAN BAGI FORMAT TAAM

- 3.1.1 Penyertaan bagi Format TAAM adalah terhad dan pendaftaran hanya dibuat oleh pengurus pasukan negeri masing-masing melalui MAREOS
- 3.1.2 Setiap kontinjen negeri hanya dibenarkan menghantar maksima seramai 20 orang atlet sahaja (10 DL dan 10 DW).
- 3.1.3 Setiap kontinjen dibenarkan menghantar 6 pasukan (3 pasukan Lelaki dan 3 pasukan Wanita) untuk masuk ke acara berpasukan/Trio dari senarai 20 atlet negeri yang didaftarkan.

3.2 PENYERTAAN BAGI FORMAT FETIH KUPASI

- 3.2.1 Penyertaan bagi Format Fetih Kupasi adalah terbuka kepada semua pemanah tradisional (tidak terhad kepada wakil negeri sahaja) dan pendaftaran dibuat melalui Google Form (bukan melalui MAREOS). Sila rujuk maklumat di bahagian seterusnya.

4.0 PENDAFTARAN

4.1 PENDAFTARAN BAGI FORMAT TAAM

- 4.1.1 Semua pendaftaran peserta (pengurus, jurulatih dan atlet) bagi format TAAM hendaklah dibuat melalui Malaysia Archery Results & Entry Online System (MAREOS).
- 4.1.2 Setiap kontinjen negeri hanya dibenarkan menghantar maksima seramai 20 orang atlet sahaja (10 DL dan 10 DW).
- 4.1.3 Hanya Pengurus Pasukan sahaja yang bertanggungjawab membuat pendaftaran bagi setiap pasukan.
- 4.1.4 Pengurus pasukan negeri perlu mendaftar masuk di MAREOS melalui <https://mareos.masarchery.org/> dengan menggunakan alamat email dan kata laluan yang akan ditetapkan oleh PMTKL nanti.
- 4.1.5 Hubungi pihak PMTKL (**019 - 2796127 - En. Mohd Fadli Adha**) jika ada sebarang pertanyaan ataupun memerlukan bantuan mengenai MAREOS.



KEJOHANAN MEMANAH TRADISIONAL KEBANGSAAN SIRI 1/ 2024

4.2 PENDAFTARAN BAGI FORMAT FETIH KUPASI

- 4.2.1 Semua pendaftaran peserta bagi format Fetih Kupasi hendaklah dibuat melalui link Google Form berikut :
[\(link akan diberikan nanti\)](#)
- 4.2.2 Bagi peserta wakil negeri yang ingin menyertai format Fetih Kupasi perlu mendaftar berasalingan melalui link Google Form di atas. Bagaimanapun, yuran adalah berbeza dengan peserta dari kategori terbuka. Sila rujuk perincian yuran di bahagian seterusnya.
- 4.3 Mohon pastikan tiada pendaftaran (selepas tarikh tutup) atau pertukaran (selepas tarikh tutup), pihak pengajur berhak untuk tidak menerima penyertaan tersebut.

5.0 YURAN

5.1 YURAN BAGI FORMAT TAAM

- 5.1.1 RM 50 bagi setiap peserta.
- 5.1.2 Jika satu-satu pasukan negeri menghantar pasukan penuh, jumlah yuran adalah RM 50 x 20 orang - RM 1,000 / pasukan.
- 5.1.3 Namun begitu, pasukan tidak wajib menghantar jumlah penuh. Oleh yang demikian, jumlah yuran setiap pasukan bergantung kepada jumlah atlet/pasukan.
- 5.1.4 Seperti juga pendaftaran, urusan yuran perlu diselesaikan oleh pengurus pasukan setiap negeri.

5.2 YURAN BAGI FORMAT FETIH KUPASI

- 5.2.1 RM 50 bagi setiap peserta.
- 5.2.2 Yuran bagi format Fetih Kupasi perlu diuruskan pembayaran secara individu oleh pemanah sendiri.

5.3 MAKLUMAT PEMBAYARAN YURAN

- 5.3.1 Sila buat pembayaran yuran kepada akaun berikut:



KEJOHANAN MEMANAH TRADISIONAL KEBANGSAAN SIRI 1/ 2024

MAYBANK

PERSATUAN MEMANAH TRADISIONAL KUALA LUMPUR

5641 5556 7221

5.3.2 Sila tuliskan rujukan transaksi seperti berikut :

- i. Untuk Format TAAM - '**Yuran KMTK-TAAM**'
- ii. Untuk Format Fatih Kupasi - '**Yuran KMTK-FK**'

- iii. Sila hantar bukti pembayaran kepada urusetia seperti nombor di bawah:

019 - 2796127 - En. Mohd Fadli Adha

BAHAGIAN 2

6.0 FORMAT KEJOHANAN

6.1 FORMAT TAAM - INDIVIDU

- 6.1.1 Pemanah perlu melepaskan 6 batang anak panah bagi setiap *end*. Terdapat 3 pusingan, dengan jarak yang berbeza bagi setiap pusingan.
 - Pusingan 1 : 6 anak panah X 5 end pada jarak 50 meter
 - Pusingan 2 : 6 anak panah X 5 end pada jarak 40 meter, dan
 - Pusingan 3 : 6 anak panah X 5 end pada jarak 30 meter

- 6.1.2 Kedudukan akhir (*final ranking*) pemanah ditentukan berdasarkan jumlah mata setelah 90 batang anak panah/ tamat ketiga-tiga pusingan.

- 6.1.3 Tiada pusingan Kalah Singkir (*elimination round/ER*) bagi format TAAM - Individu.

6.2 FORMAT TAAM - BERPASUKAN

- 6.2.1 Setiap pasukan terdiri dari tiga orang pemanah sahaja.

- 6.2.2 Setiap negeri/pasukan dibenarkan menghantar 3 pasukan lelaki dan 3 pasukan wanita.

- 6.2.3 Setiap seorang pemanah di dalam pasukan perlu melepaskan 6 batang anak panah bagi *end* masing-masing. Terdapat 3 pusingan, dengan jarak



KEJOHANAN MEMANAH TRADISIONAL KEBANGSAAN SIRI 1/ 2024

yang berbeza bagi setiap pusingan.

- Pemanah 1 : 6 anak panah X 5 end pada jarak 50 meter
- Pemanah 2 : 6 anak panah X 5 end pada jarak 40 meter, dan
- Pusingan 3 : 6 anak panah X 5 end pada jarak 30 meter

- 6.1.2 Kedudukan akhir (*final ranking*) pasukan ditentukan berdasarkan jumlah mata setelah tamat ketiga-tiga pusingan.
- 6.1.3 Tiada pusingan Kalah Singkir (*elimination round/ER*) bagi format TAAM - Berpasukan.

6.3 FORMAT FETIH KUPASI

6.3.1 PUSINGAN KELAYAKAN (QR)

Pemanah perlu melepaskan 9 batang anak panah bagi setiap *end*.

- Lelaki : 9 anak panah X 9 *end* pada jarak 70 meter.
- Wanita : 9 anak panah X 9 *end* pada jarak 60 meter.

- 6.3.2 Kedudukan akhir (*ranking*) pemanah bagi pusingan kelayakan akan ditentukan berdasarkan jumlah mata setelah 63 batang anak panah/ tamat 7 *end*.
- 6.3.3 Pemanah yang menduduki 16 tempat terbaik bagi setiap kategori (Lelaki & Wanita) layak untuk ke pusingan Kalah Singkir (*elimination round/ER*) 1/8.
- 6.3.4 Sekiranya terdapat markah seri pada kedudukan ke 16 pusingan kelayakan:

- i. Satu *end* tambahan (9 anak panah) perlu di adakan untuk menentukan tempat ke 16
- ii. Jika masih seri, peserta dengan anak panah terbanyak pada bulatan/ring bawah akan di kira pemenang.
- iii. Jika masih seri, peserta dengan anak panah paling hampir dengan titik tengah bulatan bawah dikira sebagai pemenang.

6.3.5 PUSINGAN KALAH SINGKIR (ER)

16 peserta terbaik setiap kategori (Lelaki dan Wanita) akan bertanding bagi pusingan Kalah Singkir. Penetapan perlawanan (bracket) akan ditentukan berdasarkan kedudukan (*ranking*) semasa pusingan kelayakan (QR)

- 6.3.6 Pada setiap pusingan kalah singkir, setiap pemanah akan memanah sebanyak 9 anak panah sahaja untuk satu pusingan. Peserta dengan markah terbanyak akan maju ke pusingan seterusnya sehingga ke



KEJOHANAN MEMANAH TRADISIONAL KEBANGSAAN SIRI 1/ 2024

pusingan akhir untuk menentukan pemenang (termasuk bagi menentukan tempat ke 3 dan ke 4)

6.3.7 Untuk mana-mana pusingan, jika terdapat markah seri, maka:

- i. Satu end tambahan (9 anak panah) perlu di adakan untuk menentukan pemenang.
- ii. Jika masih seri, peserta dengan anak panah terbanyak pada bulatan/ring bahagian bawah akan di kira pemenang.
- iii. Jika masih seri, peserta dengan anak panah paling hampir dengan titik tengah bulatan bawah dikira sebagai pemenang.

6.3.8 Sekiranya pemanah tidak memanah pada mana-mana end, tanpa memaklumkan pada pegawai (DOS/Judge) bertugas, **semua anak panah pada end tersebut dikira sebagai miss**. Sekiranya pemanah telah berada di shooting line, tetapi terpaksa meninggalkan shooting line atas sebab-sebab yang dipersetujui oleh pegawai bertugas, maka, tambahan masa akan diberikan kepada pemanah tersebut.

6.4 SASARAN DAN MUKA SASARAN (*TARGET FACE*)

6.4.1 FORMAT TAAM

- i. Target face yang digunakan bagi format TAAM adalah seperti gambarajah di bawah.
- ii. Format markah - 5, 4, 3, 2 dan 1
- iii. Tinggi target face dari tanah adalah antara **160cm-165cm**, di ukur dari puncak segitiga merah ke tanah.




Target Face Rasmi TAAM - Diameter 80cm



KEJOHANAN MEMANAH TRADISIONAL KEBANGSAAN SIRI 1/ 2024

6.4.2 FORMAT FETIH KUPASI

- i. Target face yang digunakan bagi format Fetih Kupasi adalah seperti gambarajah di bawah.
- ii. Format markah - Hit - 1 / Miss - 0



Target Face Rasmi Fatih Kupasi - Saiz 77 x 110cm

6.5 KIRAAN MARKAH KESELURUHAN DAN HADIAH

6.5.1 HADIAH BAGI FORMAT TAAM

adalah seperti jadual di bawah

Acara	EMAS	PERAK	GANGSA	4 - 10
Individu Lelaki	1	1	1	1
Individu Wanita	1	1	1	1
Berpasukan Lelaki	1	1	1	-
Berpasukan Wanita	1	1	1	-

6.5.2 **JUARA KESELURUHAN** adalah berdasarkan kepada bilangan kutipan pingat emas tertinggi. Jika sama maka bilangan pingat perak akan diambil kira dan jika sama maka bilangan pingat gangsa akan diambil kira. Jika masih sama maka Jawatankuasa Pertandingan akan mengisytiharkan kedua-dua pasukan sebagai Johan Bersama.

6.5.3 **HADIAH BAGI FORMAT FETIH KUPASI** adalah seperti jadual di bawah

Acara	EMAS	PERAK	GANGSA	4 - 10
Individu Lelaki	1	1	1	1
Individu Wanita	1	1	1	1



KEJOHANAN MEMANAH TRADISIONAL KEBANGSAAN SIRI 1/ 2024

- 6.5.4 Pungutan pingat bagi format Fetih Kupasi tidak termasuk dalam kiraan bagi juara keseluruhan kejohanan.
- 6.5.5 Hadiah-hadiah sampingan lain akan disediakan berdasarkan dari tajaan (jika ada).

BAHAGIAN 3

7.0 PERATURAN PERALATAN

Bahagian ini menerangkan jenis peralatan yang dibenarkan untuk digunakan oleh atlet semasa memanah dalam kejohanan ini. Ia adalah tanggungjawab atlet untuk menggunakan peralatan yang mematuhi peraturan. Mana-mana atlet yang didapati menggunakan peralatan yang melanggar peraturan ini akan menyebabkan markahnya dibatalkan. Peraturan ini terpakai kepada kedua-dua format TAAM dan FETIH KUPASI.

Semua peralatan yang digunakan sewaktu pertandingan termasuk *back up/ spare wajib lulus pemeriksaan alatan pada hari pertandingan*.

- 7.1 **BUSUR** - Apa-apa jenis busur tradisional dengan syarat ia mematuhi makna biasa perkataan "busur tradisional" seperti yang digunakan dalam memanah sasaran.

- 7.1.1 Busur *one piece* atau *two piece (connector)*
- 7.1.2 Bahan bebas
- 7.1.3 *Sight window, shelf rest* dan *arrow rest* tidak dibenarkan
- 7.1.4 Tidak mempunyai alat atau tanda yang mebantu bidikan pada tali dan *limb*.
- 7.1.5 *Stabilizer* dan pemberat tambahan tidak dibenarkan.
- 7.1.6 *Arrow pass* minimum 15mm
- 7.1.6 Busur dihasilkan oleh pembuat busur (*bowsyer*) sebagai busur tradisional, bukan dihasilkan daripada busur/ bahagian-bahagian busur moden (*recurve*) yang diubahsuai/dimodifikasi supaya menyamai ciri-ciri busur tradisional.
- 7.1.7 Pemanah tidak dibenarkan menggunakan busur yang berbeza sewaktu pertandingan. Contoh; Busur A untuk jarak 30 meter, dan busur B untuk jarak 50 meter. Namun begitu, pemanah dibenarkan menukar busur sekiranya busur rosak ketika pertandingan. Namun, tiada masa tambahan diberi untuk pertukaran alatan. Pemanah perlu menyiapkan semua peralatan (termasuk spare) sebelum pertandingan dimulakan.



KEJOHANAN MEMANAH TRADISIONAL KEBANGSAAN SIRI 1/ 2024

- 7.2 **TALI BUSUR/STRING** - Semua jenis tali busur yang sesuai dan selamat digunakan untuk busur tradisional adalah dibenarkan.
- 7.2.1 Semua jenis warna untuk tali busur dibenarkan.
 - 7.2.2 Tiada sebarang tanda pada tali busur yang boleh dianggap sebagai membantu bidikan.
 - 7.2.3 Penanda bibir dan hidung (*kisser/nose button*) tidak dibenarkan.
 - 7.2.4 Satu atau dua penanda anak panah (*nocking point*) dibenarkan. Jika dua *nocking point* digunakan, jarak antara keduanya mestilah tidak lebih dari lebar *nock* anak panah yang digunakan.
 - 7.2.5 Penyenyap bunyi (*string silencer*) dibenarkan.
- 7.3 **ANAK PANAH** - Semua jenis anak panah (*moden/natural*) boleh digunakan dengan syarat ia mematuhi maksud biasa perkataan "anak panah" seperti yang digunakan dalam memanah sasaran dan tidak menyebabkan kerosakan yang tidak wajar pada sasaran.
- 7.3.1 Diameter anak panah mestilah tidak melebihi 9.3mm
 - 7.3.2 Sebarang jenis hiasan, corak dan balutan (*cresting & wrap*) pada batang anak panah dibenarkan dengan syarat ianya tidak melebihi ukuran 22cm ke arah mata anak panah diukur dari *nock*.
 - 7.3.3 Tiada sebarang tanda pada batang anak panah yang boleh digunakan sebagai penanda ukuran tarikan.
 - 7.3.4 Semua jenis mata anak panah (*point*) dibenarkan kecuali mata panah lebar (*broadhead*). Panjang mata anak panah yang digunakan tidak boleh melebihi 5cm.
 - 7.3.5 Semua jenis *nock* dibenarkan kecuali *nock* yang mempunyai komponen elektronik. Jenis dan warna *nock* yang digunakan mestilah seragam.
 - 7.3.6 Semua jenis sayap (*fletcher*) dibenarkan. Jenis dan warna *fletcher* yang digunakan mestilah seragam antara satu anak panah dengan anak panah yang lain.
 - 7.3.7 Semua anak panah perlu ditanda dengan singkatan nama pemanah (*initial*) di kawasan yang sesuai pada batang anak panah.
 - 7.3.8 **Bagi Format Fetih Kupasi anak panah karbon dibenarkan.**
- 7.4 **PELINDUNG JARI** - Semua jenis pelindung jari dalam bentuk cincin ibu jari (*thumb ring*), pita (*tape*), sarung tangan, *tab* jari atau gabungan pelindung-peling tersebut yang diguna untuk menarik dan melepaskan tali busur dibenarkan, dengan syarat tiada penggunaan sebarang peranti tambahan yang membantu atlet menarik dan melepaskan tali busur. Penggunaan peranti mekanikal (*mechanical release*) semasa pelepasan anak panah tidak dibenarkan.



KEJOHANAN MEMANAH TRADISIONAL KEBANGSAAN SIRI 1/ 2024

- 7.5 Penggunaan teropong, skop dan alat bantu visual lain hanya dibenarkan di kawasan belakang garisan menunggu (waiting line) sahaja. Penggunaan penutup mata (*eye patch*), cermin mata preskripsi (rabun) dibenarkan. Cermin mata menembak dan cermin mata hitam tidak dibenarkan.
- 7.6 **AKSESORI MEMANAH** - termasuk pelindung lengan, pelindung dada, baju zirah, baju perisai, tali pinggang, bengkung dan tarkas (*quiver*) termasuk tabung anak panah di atas tanah (*arrow tube*) dibenarkan dengan syarat ia tidak menimbulkan halangan kepada atlet lain di garisan panahan (*shooting line*).
- 7.7 Pakaian dan alatan Camo **tidak dibenarkan**.
- 7.8 Teknik *string walking/face walking* **dibenarkan**.
- 7.9 Tali penahan jari/penahan busur (*Finger Sling/Bow sling*) **tidak dibenarkan**.

BAHAGIAN 4

8.0 PERATURAN AM KEJOHANAN

- 8.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang Persatuan Memanah Tradisional Malaysia (TAAM).
- 8.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirnya, maka Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan TAAM akan menggunakan undang-undang yang telah dipersetujui oleh semua ahli mesyuarat.
- 8.3 Kejadian luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut ;
 - Sebarang kejadian diputus berdasarkan kepada Peraturan Pertandingan Memanah Kebangsaan.
 - Sebarang perselisihan teknikal akan diputus berdasarkan kepada Pertandingan Memanah Kebangsaan.
- 8.4 Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Kejohanan adalah muktamad.
- 8.5 Hanya Pengurus Pasukan sahaja yang dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 300.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Sahaja).





KEJOHANAN MEMANAH TRADISIONAL KEBANGSAAN SIRI 1/ 2024

- 8.6 Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu ditolak atau didapati tidak wajar.
- 8.7 Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengurus Pertandingan dalam masa 30 minit selepas keputusan diumumkan.
- 8.8 Rekod Kebangsaan hanya akan diiktiraf jika dipecahkan oleh peserta Kejohanan Kebangsaan. Sekiranya ada rekod kebangsaan yang dipecahkan oleh peserta Kejohanan Terbuka, rekod tidak akan diambil kira.
- 8.9 Persatuan Memanah Tradisional Malaysia (TAAM) dan Jawatankuasa Pengelola Kejohanan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kemalangan atau kecelakaan yang mungkin berlaku kepada mana-mana atlet dan pegawai semasa kejohanan ini berlangsung. Ini termasuk kehilangan harta benda, peralatan pertandingan serta perjalanan dari rumah ke lokasi kejohanan dan ke rumah.